

Pengarah Kastam Negeri / Cawangan Sarawak
Pengarah Hospital Umum Negeri Sarawak
Pengarah Institut Perguruan Batu Lintang, Sarawak

Tuan/Puan,

PENGGUNAAN KOD AKAUN L1131101 - DEPOSIT CAGARAN (SISTEM LUAR).

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pelarasan Jurnal D9 (modul terimaan) daripada kod deposit asal L1111103 – Deposit Cagaran (gunasama) ke kod deposit baharu L1131101 – Deposit Cagaran (sistem luar) telah dibuat oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) tuan/puan pada bulan November 2018 berdasarkan arahan daripada JANM Negeri Sarawak.

3. Pelarasan baki awal deposit ini dilaksanakan sekiranya terdapat perubahan jenis Recon Akaun iaitu Akaun Deposit yang mempunyai subsidiari di dalam sistem (Recon AR/AP) telah ditukar kepada Akaun Deposit yang mempunyai subsidiari di luar sistem disebabkan oleh PTJ mempunyai sistem terimaan berkomputer tersendiri atau isu-isu operasi. **Walaupun bagaimanapun setelah semakan dibuat oleh Jabatan ini, didapati PTJ tuan/puan tidak mempunyai sistem terimaan berkomputer tersendiri.**

4. Sehubungan itu, **mulai 01 Januari 2019** PTJ tuan/puan adalah **TIDAK DIBENARKAN** menggunakan kod akaun **L1131101 - Deposit Cagaran (sistem luar)** bagi tujuan mengakaunkan terimaan dan bayaran yang melibatkan akaun tersebut. PTJ tuan/puan hendaklah menggunakan kod akaun **L1111103 – Deposit Cagaran (gunasama)** bagi setiap transaksi deposit yang berkaitan dengan menggunakan **Modul Bayaran Balik Deposit (Jenis Dokumen : KL) di bawah Pengurusan Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan**. Dengan berkuat kuasanya arahan ini, **Emel JANM Negeri Sarawak** yang berkaitan bertarikh **09.11.2018** adalah dibatalkan dilampirkan sebagai rujukan pihak tuan.

Perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah diharapkan dan dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

**UNIT AKAUN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SARAWAK**

